

Lonjakan harga emas

Kosmo 14/1/2011 MS 3.

LONDON - Harga emas dunia diramal meningkat sebanyak 13 peratus pada tahun ini menjadikan harga logam itu mencecah sehingga AS\$1,600 (RM4,840) bagi satu auns (28.3 gram).

Kenaikan itu berterusan sejak 2001 didorong oleh keseimbangan terhadap inflasi yang tinggi dan kadar faedah global yang rendah.

"Kami tidak akan terkejut jika melihat harga emas melepasi AS\$1,600 sebelum hujung tahun ini," kata Pengerusi Eksekutif firma penyelidikan GFMS Ltd., Philip Klapwijk dalam laporan terbarunya yang disiarkan semalam.

Ramalan itu tidak berubah daripada jangkaan awal yang dikeluarkan pada Januari lalu selepas harga emas mencatat harga tertinggi dalam sejarah iaitu AS\$1,478.18 (RM4,472.23) bagi setiap auns di London pada Isnin lalu.

"Para pelabur terus bimbang mengenai inflasi dan kerajaan-kerajaan dilihat kurang berminat untuk mengetatkan polisi kewangan. Kedudukan kewangan kerajaan juga menjadi alasan kenapa pelabur kekal fokus terhadap pasaran emas.

"Penerimaan kenaikan harga oleh para pengguna



HARGA emas dijangka meningkat sehingga RM4,840 satu auns pada tahun ini. - Gambar hiasan

akan membantu meningkatkan permintaan terhadap barang kemas selain menyediakan platform kukuh untuk pelabur menaikkan harga emas menjadi lebih tinggi," kata Klapwijk.

Dalam beberapa bulan belakangan ini, harga emas terus naik kerana pelabur bersikap lebih berhati-hati ekoran kebimbangan terhadap nilai dolar yang lemah, inflasi tinggi, kekacauan di Asia Barat dan hutang tinggi di negara-negara Eropah.

Emas yang menjadi pemuacu utama buat pembeli barang kemas dan pelabur dilihat sebagai aset selamat dalam tempoh ketidaktentuan ekonomi dan politik.

India merupakan pengguna emas terbesar dunia yang menyumbang kepada kenaikan permintaan terhadap barang kemas global.

Menurut GFMS, kenaikan permintaan di India adalah sebanyak 11 peratus kepada 2,017 tan setahun.

India membeli sebanyak 685 tan emas naik sebanyak 36 peratus.

Sementara itu, Presiden Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA), Prof. Dr. Jariah Masud memberitahu, meskipun harga emas sentiasa meningkat dengan kadar yang tinggi namun permintaan dalam kalangan orang ramai tidak pernah putus.

INFO Harga barang kemas

- **November 2009**
 - Emas 999: RM141/gram
 - Emas 916: RM133/gram
- **November 2010**
 - Emas 999: RM166/gram
 - Emas 916: RM157/gram
- **Januari 2011**
 - Emas 999: RM160/gram
 - Emas 916: RM151/gram
- **14 April 2011**
 - Emas 999: RM166/gram
 - Emas 916: RM157/gram

Sumber: hargaemas.com.my

Menurut beliau, pembelian emas dalam kalangan orang ramai tidak akan terjejas memandangkan logam tersebut akan terus dibeli oleh mereka yang berkemampuan.

"Harga emas tidak pernah turun dengan mendadak dan kalau turun pun hanya sedikit kerana nilai emas merupakan aset terunggul, tidak boleh dimanipulasi, tahan lasak serta tiada susut nilai serta kalis inflasi," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Bagaimanapun beliau memberitahu, orang ramai perlu membezakan tujuan mereka membeli emas sama ada sebagai mengikut naluri keperluan atau pelaburan.

Apa kata peminat emas



■ **BANYAK** wanita mungkin terpaksa berfikir dua kali atau menanggungkan dulu hasrat untuk membeli emas selepas ini kerana harganya semakin meningkat

■ **NORHAFIZA DAUD**
Pembantu Jualan



■ **EMAK** saya merupakan penggemar emas tetapi sekarang dia sudah tidak mampu beli kerana harganya mahal

■ **ZALEHA ABDUL FATAH**
Pelajar IPT



■ **SAYA** memang peminat emas tetapi harganya terlalu tinggi dan sekarang saya tidak sanggup hendak beli emas

■ **G.S OII**
Suri rumah

95 peratus emas Malaysia dari Kuala Lipis

KUALA LUMPUR - Aktiviti perlombongan emas di Malaysia hanya terhad di beberapa tempat dan kawasan tersebut dikenali sebagai Jalur Tengah yang terbentang dari kawasan tanah tinggi Batu Melintang, Jeli di Kelantan sehingga Gunung Ledang di Johor.

Menurut laporan yang dipetik laman web *hargaemas.com.my*, lombong terbesar yang masih aktif di negara ini ialah di Penjam, Kuala Lipis dan ia mengeluarkan hampir 95 peratus pengeluaran emas Malaysia.

Tempat lain yang masih aktif adalah di Kuala Selinsing, Damar Reef dan Tersang juga di Pahang.

Selain itu, masih terdapat lima lagi lombong di Jeli serta enam lombong sekitar kawasan Raub dan Kuala Lipis di Pahang masih digali untuk aktiviti perlombongan komersial.

Laporan itu memberitahu, taburan penemuan emas utama di Semenanjung Malaysia terdapat di Jalur Tengah iaitu dari Batu Melintang di Kelantan menganjur ke selatan melalui Sokor, Pulai, Selinsing, Raub, Chenderas hinggalah ke Gunung Ledang di Johor.

Antara kawasan penemuan terbaru logam berharga itu ialah di Jalur Timur iaitu di kawasan Mersing di Johor dan Lubuk Mandi di Terengganu.

Lokasi perlombongan emas di Malaysia

